

BULETIN EPIDEMIOLOGI BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG :

Dr. Ismuni Bin Bohari
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)

PENASIHAT :

Dr. Noraryana binti Hassan
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit

PENYELARAS :

Dr. Nor Zahrin binti Hasran
Timbalan Pengarah (Survelan Penyakit)

PENGARANG :

Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis &
Kecemasan (DOCE)
Sektor Survelan Penyakit
Sektor Kawalan Zoonosis
Sektor Kawalan VPD & FWBD
Sektor Kawalan Penyakit TB & Kusta
Sektor Kawalan Tembakau dan FCTC

KETUA PENYUNTING :

Dr. Zuhaida binti A. Jalil

PENYUNTING:

Pn. Intan Suhana binti Mohd Ali
Pn. Siti Nur Atiqah binti Mohd Radzuan
Pn. Norziela binti Rosli

Sektor Informasi dan Dokumentasi
Bahagian Kawalan Penyakit
Kompleks E, Aras 3, 4, 6 Blok E10
Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah, Presint 1, 62000 Putrajaya
emel: sid_bkp@moh.gov.my



FOKUS UTAMA

- AKTIVITI KEPENGKERUSIAN ASEAN
- INISIATIF KESIHATAN PARU-PARU
- NATIONAL CANCER CONGRESS



NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT




- EVENT-BASED SURVEILLANCE
- RUMOURS SURVEILLANCE
- MALAYSIA INFLUENZA SURVEILLANCE



PENYAKIT BERJANGKIT:

- COVID-19
- HFMD
- KERACUNAN MAKANAN
- HEPATITIS A
- TUBERKULOSIS



PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT:

- SITUASI AKUT PENGGUNAAN ROKOK ELEKTRONIK



PEMERKASAAN INISIATIF *ONE HEALTH*

Sejak pengesahan ASEAN *Leaders' Declaration on One Health Initiative* semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-42, Malaysia kekal komited dalam memperkasakan pelaksanaan pendekatan *One Health*. Program Kesihatan Awam memainkan peranan utama dalam usaha ini melalui kerjasama pelbagai sektor dan agensi yang merangkumi aspek kesihatan manusia, kesihatan haiwan, dan alam sekitar.

Di peringkat nasional, Program Kesihatan Awam telah mencadangkan penubuhan Jawatankuasa *One Health* Kebangsaan, yang kemudiannya dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara ke-3 pada 27 Mei 2025.

Di peringkat serantau, Program Kesihatan Awam terus giat memperkukuh pelaksanaan pendekatan *One Health* melalui Rangkaian *One Health* ASEAN (ASEAN *One Health Network*, AOHN). Sebagai Pengerusi Utama AOHN bagi tahun 2025, Program Kesihatan Awam turut membentangkan status pelaksanaan ASEAN *Leaders' Declaration on One Health* semasa Mesyuarat Pegawai Kanan Pembangunan Kesihatan ASEAN ke-19 (19th *Senior Officials Meeting on Health Development*, SOMHD) yang telah diadakan di Petaling Jaya dari 30 Jun hingga 4 Julai 2025.

Pada 5 hingga 7 Ogos 2025, akan diadakan 'ASEAN *One Health Network Regional Meeting*' pertama yang dianjurkan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Mesyuarat tersebut dijangka menghimpunkan seramai 125 orang peserta, dari Negara Anggota ASEAN, badan-badan sektor, pusat-pusat teknikal, serta rakan kerjasama dari peringkat serantau dan antarabangsa.



MESYUARAT TRILATERAL ASEAN CENTRE FOR PUBLIC HEALTH EMERGENCIES AND EMERGING DISEASES (ACPHEED)

Mesyuarat *Trilateral ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases* (ACPHEED) telah diadakan pada 1 Julai 2025 bertempat di Hotel Sheraton Pelating Jaya yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal). Mesyuarat Trilateral ini melibatkan Sekretariat ASEAN (ASEC) dan negara hos ACPHEED (Vietnam, Indonesia, dan Thailand).

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan tindakan susulan (*Senior Officials Meeting on Health Development*, SOMHD) yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Disember 2024 di Bangkok. Mesyuarat *Bilateral* antara Indonesia and Thailand pada 25 Mac 2025 telah diadakan secara maya dan mesyuarat informal antara Vietnam and ASEC pada 23 Mei 2025.

Antara perkara yang dibincangkan adalah tindakan susulan berkaitan pemuktamadan Perjanjian Penubuhan ACPHEED (EA) serta kemajuan pelaksanaan dan hala tuju strategik ketiga-tiga negara tuan rumah (Vietnam, Indonesia, dan Thailand).



INISIATIF KESIHATAN PARU-PARU (*LUNG HEALTH INITIATIVE*) PERINGKAT ASEAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menganjurkan satu acara sampingan berkaitan Inisiatif Kesihatan Paru-Paru (*Lung Health Initiative*) peringkat ASEAN di sela masa sewaktu *ASEAN Senior Officials' Meeting On Health Development (SOMHD) Ke-19* di Sheraton Petaling Jaya, Selangor bertemakan *Lung Health Initiative: Advancing ASEAN Implementation*.



Penganjuran acara ini memberi impak kepada Malaysia dalam usaha memperkukuh agenda kesihatan paru-paru di peringkat ASEAN, selari dengan komitmen Malaysia terhadap Resolusi Kesihatan Paru-Paru yang diluluskan di Perhimpunan Kesihatan Sedunia (*World Health Assembly*) ke 78 pada Mei 2025. Inisiatif ini adalah satu peluang untuk menyerlahkan sumbangan Malaysia dalam kesihatan paru-paru di peringkat antarabangsa.

Sesi perkongsian dan dialog antara negara ASEAN, agensi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan rakan strategik lain membantu menyokong usaha penyelarasan *ASEAN Health Work Plan 2026–2030*, terutamanya dalam kluster kesihatan seperti pengukuhan penjagaan primer berkaitan kesihatan paru – paru.




NATIONAL CANCER CONGRESS MALAYSIA (NCCM): *BRIDGING GAPS, BUILDING HOPES, EMPOWERING LIVES*

National Cancer Congress Malaysia (NCCM) 2025 yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan di Universiti Sunway pada 20 hingga 22 Jun 2025. Tahun ini merupakan tahun kedua penganjuran dan membawa tema *Bridging Gaps, Building Hopes, Empowering Lives*.

Pada tahun ini, NCCM turut merangkumi *Cancer Financing Summit* yang membincangkan isu berkaitan akses dan kemampuan pembiayaan yang merupakan aspek kritikal dalam penjagaan kanser yang sering kali menjadi penghalang utama kepada rawatan.

Kongres ini juga menghimpunkan pembuat dasar, pesakit, penyedia penjagaan kesihatan dan advokasi pesakit yang membincangkan kawalan dan akses kepada rawatan berkualiti bagi semua rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi.



NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT (DAFTAR KES) PADA ME 23 – ME 26 BAGI TAHUN 2025 BERBANDING MINGGU EPID YANG SAMA PADA TAHUN 2024						
BIL	PENYAKIT	ME 23 - ME 26 (2025)	ME 23 – ME 26 (2024)	PERBEZAAN		PERATUS PENINGKATAN / PENURUNAN (%)
1.	HFMD	27008	5138	↑	21870	425.7
2.	HEPATITIS A	23	6	↑	17	283.3
3.	TYPHUS	13	7	↑	6	85.7
4.	MALARIA	234	177	↑	57	32.2
5.	COVID-19	12601	11575	↑	1026	8.9
6.	TUBERCULOSIS	1988	1893	↑	95	5.0
7.	GONORRHEA	299	293	↑	6	2.0
8.	SYPHILIS	397	395	↑	2	0.5
9.	AIDS*	76	76	↔	0	0.0
10.	TYPHOID AND PARATYPHI	16	16	↔	0	0.0
11.	OTHERS TETANUS	1	1	↔	0	0.0
12.	DYSENTERY	67	72	↓	-5	-6.9
13.	HEPATITIS C	289	315	↓	-26	-8.3
14.	HIV*	222	246	↓	-24	-9.8
15.	LEPROSY	20	23	↓	-3	-13.0
16.	HEPATITIS B	553	700	↓	-147	-21.0
17.	DENGUE FEVER*	4657	10634	↓	-5977	-56.2
18.	LEPTOSPIROSIS	88	216	↓	-128	-59.3
19.	CHIKUNGUNYA	4	10	↓	-6	-60.0
20.	FOOD POISONING	815	2061	↓	-1246	-60.5
21.	PERTUSSIS	6	27	↓	-21	-77.8
22.	FILARIASIS*	43	293	↓	-250	-85.3
23.	MEASLES*	33	330	↓	-297	-90.0


Nota Kaki:

- Tiada kes dilaporkan bagi tahun 2025 penyakit Diphteria, *Other Viral Encephalitis*, Mpox, *Other Specified Viral Hepatitis*, Avian Influenza, Acute Poliomyelitis, Plague, Relapsing Fever, Yellow Fever, Zika Virus Infection, Chancroid, Ebola, Nipah & Mers-Cov,Japanese Encephalitis, Cholera & Rabies.

Sumber :


- Sistem e-Notifikasi
- * Sistem SM2, NAR, eDengueV2, eVekpro

NOTIFIKASI WABAK PENYAKIT YANG DILAPORKAN DARI ME 23 – ME 26 BAGI TAHUN 2024 DAN 2025						
Bil.	Wabak Penyakit	Tahun 2025	Tahun 2024	Perbezaan		Peratus Peningkatan/ Penurunan (%)
		ME 23 - 26	ME 23 - 26			
1.	COVID-19	56	3	▲	53	1,767
2.	ILI	3	1	▲	2	200
3.	ROTAVIRUS	3	1	▲	2	200
4.	HFMD	326	153	▲	173	113
5.	DENGGI	536	1,407	▼	-871	-62
6.	KERACUNAN MAKANAN	24	67	▼	-43	-64
7.	TUBERKULOSIS	3	9	▼	-6	-67
8.	AGE	5	22	▼	-17	-77
9.	INFLUENZ A, B, dan A&B	9	46	▼	-37	-80
10.	LEPTOSPIROSIS	1	7	▼	-6	-86
11.	MEASLES	2	17	▼	-15	-88
12.	CHICKENPOX	3	29	▼	-26	-90
13.	PERTUSSIS	0	1	▼	-1	-100



- Pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025, sebanyak 979 kejadian wabak telah dilaporkan dengan jumlah kumulatif sebanyak 9,458 wabak. Notifikasi wabak Denggi dan HFMD menyumbang sebanyak 88.0% daripada jumlah wabak yang dilaporkan. Lain-lain wabak penyakit yang menyumbang sebanyak 2.1% pada ME 23 hingga ME 26/2025 adalah seperti dalam jadual notifikasi wabak penyakit yang dilaporkan di atas.
- Bagi pelaporan kejadian Bencana, Krisis dan Kecemasan (berskala besar), hanya 17 kejadian dilaporkan sepanjang ME 23/2025 hingga ME 26/2025, berbanding 24 kejadian dalam tempoh yang sama pada tahun 2024 (penurunan sebanyak 41%). Kejadian kebakaran, banjir dan kemalangan jalan raya (berskala besar) meliputi 87% daripada jumlah kejadian yang dilaporkan pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025. Kejadian yang turut dilaporkan adalah kejadian ribut dan penyakit berkaitan haba, mencerminkan kesan perubahan iklim yang memberi impak kepada kesihatan awam, khususnya populasi rentan.

TREN PEMANTAUAN RUMOURS SURVEILLANCE DARI ME 1/2025 - ME26/2025




Nota kaki:

Status isyarat adalah berdasarkan penilaian risiko *Event Screening Risk Assessment* (ESRA) mengikut tahap keutamaan: Hijau (*untuk makluman*); Kuning (*untuk tindakan*) dan Merah (*perlu tindakan segera*)

Pemantauan *rumours* berkaitan kejadian kesihatan awam bagi ME 1/2025 hingga ME 26/2025 mendapati tiada isyarat merah dilaporkan. Manakala bilangan isyarat berstatus hijau dan kuning tidak sekata dan berubah-ubah mengikut minggu. Jumlah isyarat tertinggi direkodkan pada ME 15/2025 (99 isyarat). Pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025, didapati isyarat berwarna hijau semakin dominan dengan isyarat kuning semakin berkurangan.

TABURAN RUMOURS SURVEILLANCE BERKAITAN VIRUS PERNAFASAN (ME 23/2025 – ME 26/2025)



- Bagi tempoh ME 23 hingga ME 26/2025, pemantauan terhadap *rumours* berkaitan virus pernafasan menunjukkan bahawa *rumours* melibatkan subvarian COVID-19 adalah yang paling dominan, diikuti oleh *Avian Influenza* dan influenza bermusim.
- Kewujudan pelaporan *rumours* berkaitan pelbagai virus pernafasan dalam tempoh yang sama mencerminkan keperluan untuk pemantauan dan pengesanan yang berterusan, bagi memastikan tahap kesiapsiagaan kesihatan awam sentiasa berada pada tahap optimum.

RUMOURS UTAMA DIKESAN SEPANJANG ME 23/2025 – ME 26/2025 AVIAN INFLUENZA / SUBVARIAN COVID-19 / MPOX



Malaysia – Subvarian COVID-19 JN.1

- Dinilai tidak berbahaya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- Tiada kematian dilaporkan di Malaysia.



Indonesia – Subvarian COVID-19

- Tiada kematian dilaporkan akibat subvarian (termasuk JN.1).
- Situasi kekal stabil dengan kemungkinan tahap keterukan yang rendah.



Virus RNA – Influenza B (Pusat Rujukan WHO)

- Penemuan baharu berkaitan tingkah laku virus Influenza B.
- Menyumbang kepada pemantauan global dan perumusan vaksin.



Kemaskini Avian Influenza dan Mpx


- Sierra Leone: Wabak Mpx IIB dikaitkan dengan Avian Influenza.
- Menekankan pemantauan penyakit zoonotik pelbagai jenis.



Respons Berkaitan Perdagangan dan Wabak


- China menggantung import ayam dari Brazil disebabkan oleh Avian Influenza.
- Brazil mengisytiharkan dirinya bebas daripada Avian Influenza dan berusaha mengembalikan keyakinan perdagangan.

TREN PEMANTAUAN ILI/SARI DARI ME 1/2024 - ME 26/2025



- Sepanjang tempoh pemantauan dari ME 1/2024 hingga ME26/2025, kadar konsultasi ILI kekal stabil pada paras rendah, iaitu sekitar 4 hingga 6%, tanpa menunjukkan peningkatan mendadak. Sebaliknya, kadar kemasukan kes SARI kekal pada julat 6 hingga 9% sepanjang 2024 namun menunjukkan trend peningkatan pada 2025, mencecah hampir 10% menjelang ME 26/2025.
- Bilangan kluster ILI pula mencatat peningkatan ketara antara ME 20/2024 hingga ME 35/2024 dengan puncak sekitar 25 hingga 30 kluster seminggu, yang sejajar dengan tren global peningkatan kes influenza bermusim yang dilaporkan oleh WHO pada suku kedua 2024, khususnya di Asia Timur dan Asia Tenggara.
- Selepas tempoh tersebut, bilangan kluster menurun sehingga penghujung 2024 dan kekal pada tahap rendah sepanjang 2025 tanpa tanda lonjakan besar. Corak ini menunjukkan bahawa walaupun aktiviti ILI terkawal secara keseluruhan, peningkatan kadar kemasukan SARI pada 2025 wajar dipantau secara rapi sebagai langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan peningkatan beban kes yang lebih serius.

TREN KES COVID-19 DARI ME 1/2024 – ME 28/2025



Nota Kaki:

Pengiraan *Alert* dan *Action level* adalah berdasarkan tren kes daftar bagi tahun 2020,2023 dan 2024) (Median: 1,078,. Alert: 3,325, Action/Epidemic: 5,577)


- Kes COVID-19 menunjukkan tren peningkatan bermula ME 19/2025. Kes mula memuncak pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025. Situasi peningkatan kes COVID-19 ini adalah selari dengan peningkatan wabak yang dilaporkan dan juga tren surveilan Influenza-like-Illness (ILI) dan Severe Acute Respiratory Illness (SARI). Walaubagaimanapun, situasi semasa COVID-19 dalam negara masih terkawal dan di bawah paras amaran kebangsaan.
- Aktiviti pemantauan dan intervensi kesihatan awam serta langkah pencegahan proaktif dijalankan secara berterusan. Semua golongan berisiko tinggi digalakkan untuk mendapatkan dos tambahan vaksin COVID-19.
- Pemantauan global menunjukkan tren peningkatan kes COVID-19 sejak Februari lalu yang mana kes dilaporkan meningkat sebanyak 11% khususnya di Asia Tenggara, Mediterranean Timur dan Rantau Pasifik.

Varian COVID-19 di Malaysia

Dari ME 1/2025 hingga ME 26/2025, sejumlah 680 sampel klinikal telah dibuat ujian surveilan genomik SARS-CoV-2, di mana varian SARS-CoV-2 berjaya dikenalpasti dari 85.5% sampel tersebut. Hasil surveilan genomik menunjukkan bahawa taburan varian terkini adalah seperti berikut:


- NB.1.8.1 – meningkat dengan pantas, meliputi 41.3% daripada jumlah sampel.
- JN.1 – meliputi 20.6% daripada jumlah sampel.
- XEC – meliputi 17.7% daripada jumlah sampel.
- XFG – meliputi 8% daripada jumlah sampel.
- Others – meliputi 12.4% daripada jumlah sampel.

TABURAN VARIAN SARS-COV2 DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2025



Nota kaki:


- warna kuning adalah sub-varian Omicron bagi *Variant Under Monitoring* (VUM)
- warna hijau adalah sub-varian Omicron bagi *Variant of Interest* (VOI)




Nota Kaki:

*Pengiraan Alert dan Action level adalah berdasarkan tren kes bagi tahun 2020-2024


- Tren kes HFMD menurun pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025 dengan kumulatif kes sebanyak 27,008 (penurunan sebanyak 60%). Tren kes melonjak paling tinggi iaitu 20,000 kes pada ME 19/2025 dengan kumulatif kes 67,617 pada ME 19 /2025 hingga ME 22/2025.
- Virus utama HFMD yang dikesan adalah Cocksackie A16.




- Kanak-kanak berumur 1 hingga 6 tahun merupakan peringkat umur tertinggi (71%) yang dijangkiti HFMD berbanding yang lain. Ini kerana peringkat umur ini lebih mudah terdedah kepada jangkitan akibat interaksi sosial di sekolah atau pusat penjagaan kanak-kanak. Rumah persendirian mencatatkan bilangan wabak jangkitan tertinggi bagi ME 23/2025 hingga ME 26/2025 iaitu sebanyak 39%, diikuti dengan Taska (24%) dan Tadika (21%) berbanding lain-lain tempat.



Pecahan wabak HFMD mengikut kategori tempat jangkitan ME 23/2025 - ME 26/2025




- Pemberitahuan kes secara tepat (24 jam) dan didaftarkan dalam sistem e-Notifikasi (72 jam) adalah sangat penting dalam mengekang penularan wabak. Pemeriksaan kebersihan pengesanan kes secara aktif, serta penutupan premis di tadika dan taska merupakan aktiviti kawalan wabak yang penting. Sesi libat urus secara berterusan oleh Pejabat Kesihatan Daerah bersama penyedia tadika dan taska akan di teruskan.



- Pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025, sebanyak 815 kes keracunan makanan telah didaftarkan melalui sistem e-Notifikasi. Secara kumulatif pada tahun 2025, sebanyak 8,406 kes keracunan makanan telah direkodkan. Jumlah kumulatif kes keracunan makanan menunjukkan penurunan sebanyak 28% pada ME 26/2025 berbanding pada ME 26/2024.


TREN WABAK KERACUNAN MAKANAN (KRM) DARI ME 1/2024 – ME 26/2025



**JUMLAH KES PENYAKIT HEPATITIS A
DARI ME 23/2025 – ME 26/2025**

Kategori Tempat	Bilangan	Peratus
Sekolah Menengah	8	33.3%
Rumah Persendirian	5	20.8%
Sekolah Rendah	3	12.5%
Gerei	2	8.3%
Klinik Kesihatan	1	4.2%
Pejabat	1	4.2%
Pusat Latihan	1	4.2%
Pusat Pemulihan	1	4.2%
Taska	1	4.2%
Universiti	1	4.2%


- Terdapat penurunan wabak keracunan makanan yang dilaporkan pada ME 23/2025 hingga ME 24/2025. Hanya 6 wabak dilaporkan pada minggu epid tersebut. Pada minggu epid yang dilaporkan ini, sekolah dalam cuti perayaan hari Raya Haji dan cuti persekolahan. Walaubagaimanapun terdapat peningkatan semula kejadian wabak keracunan makanan pada ME 25/2025 berpunca daripada jamuan raya.
- Bagi tempoh ME 23/2025 hingga ME 26/2025, 24 wabak dilaporkan berbanding 69 wabak keracunan makanan untuk tempoh yang sama pada tahun 2024. Kadar penurunan adalah sebanyak 65%. Promosi kesihatan telah dipertingkatkan supaya memilih pengendali makanan/katerer yang mempunyai pensijilan BeSS (Bersih dan Selamat) atau TMC (Trust MyCatering) bagi majlis keraian.



- Pada ME 23/2025 hingga ME 26/2025, sebanyak 23 kes Hepatitis A telah didaftarkan dalam sistem e-Notifikasi. Jumlah kes Hepatitis A menunjukkan peningkatan sebanyak 283.3% pada ME 23/2025 hingga 26/2025 berbanding tahun 2024. Ini disumbangkan oleh peningkatan kes di Sabah.
- Secara kumulatif pada tahun 2025, sebanyak 120 kes Hepatitis A telah didaftarkan. Sebanyak 46.6% kes dilaporkan di Sabah (56 kes). Satu (1) wabak Hepatitis A dilaporkan di Sabah pada ME 25/2025.
- Daripada siasatan punca utama kes Hepatitis A di Sabah adalah disebabkan oleh makanan laut yang tidak dimasak sempurna. Aktiviti pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan dipertingkatkan di premis makanan yang menjadi tumpuan utama di Sabah.

JUMLAH KES PENYAKIT HEPATITIS A DARI ME 23/2025 – ME 26/2025		
Negeri	Hepatitis A	
	Semasa	Kumulatif
Johor	0	0
Kedah	1	1
Kelantan	0	2
Melaka	2	4
Negeri Sembilan	0	2
Pahang	0	4
Perak	1	5
Perlis	0	0
Pulau Pinang	1	5
Sabah	10	56
Sarawak	0	4
Selangor	5	23
Terengganu	2	5
WPKL & Putrajaya	1	7
WP Labuan	0	2
MALAYSIA	23	120

TREN KES PENYAKIT TUBERKULOSIS (TB) DARI ME 1/2024 - ME26/2025




Nota kaki :

1. Kes TB bermaksud kes TB baharu
2. Anggaran sasaran kes : 730 seminggu

- Bagi tempoh ME 23/2025 hingga ME 26/2025 sejumlah 1,866 kes TB baharu di laporkan. Terdapat peningkatan 1.3% berbanding 1,842 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2024. Aktiviti peningkatan kes seperti saringan individu bergejala TB, saringan golongan berisiko tinggi perlu ditingkatkan di semua negeri.
- Bilangan kes yang dilaporkan adalah mengikut tren median 5 tahun. WHO mensasarkan tidak kurang dari 730 kes baharu di kesan setiap minggu iaitu 2920 kes dalam tempoh ME 23/2025 hingga ME 26/2026. Berdasarkan situasi ini, bilangan kes bagi kes TB yang dikesan masih rendah memerlukan pengukuhan aktiviti saringan.

TREN KEMATIAN TUBERKULOSIS (TB) DARI ME 1/2024 – ME 26/2025



Nota kaki :

Sasaran kematian : 10 kematian per minggu

- Bagi tempoh ME 23/2025 hingga ME 26/2025 sejumlah 104, penurunan kes sebanyak 45% kematian dilaporkan berbanding 189 bagi tempoh yang sama tahun 2024. Pengesanan dan rawatan awal pemantauan pesakit TB dalam rawatan serta rawatan LTBI perlu diperkukuhkan.


SITUASI AKUT PENGGUNAAN ROKOK ELEKTRONIK

Penggunaan rokok elektronik atau *vape* kian meningkat dalam kalangan masyarakat, namun menimbulkan kebimbangan serius terhadap kesihatan awam. Cecair *vape* mengandungi bahan kimia seperti nikotin, *propylene glycol*, *glycerol* dan bahan perisa yang boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan, termasuk risiko kerosakan paru-paru seperti EVALI atau *E-cigarette or Vaping product use-Associated Lung Injury*.

Selain EVALI terdapat juga kes lain yang berkaitan dengan penggunaan rokok elektronik atau *vape* yang dikenali sebagai Non-EVALI. Kes-kes ini tidak melibatkan kerosakan paru-paru secara langsung, tetapi ianya mempunyai hubung kait dengan penggunaan rokok elektronik atau *vape*. Terdapat peningkatan kes penyakit berkaitan penggunaan *vape* yang dilaporkan bagi tempoh ME 1 hingga ME 26 bagi tahun 2024 dan 2025. Pada tahun 2024, sebanyak 4 kes EVALI telah direkodkan, manakala pada tahun 2025, 9 kes Non-EVALI telah dilaporkan dalam tempoh yang sama. Perbandingan terperinci mengikut tahun boleh dirujuk dalam jadual di bawah.

PECAHAN NOTIFIKASI KES EVALI YANG DILAPORKAN BAGI TAHUN 2024 DAN 2025		
Diagnosis	2024	2025
EVALI	2	1
NON-EVALI	2	8
JUMLAH	4	9

Laporan daripada Pusat Racun Negara menunjukkan peningkatan ketara dalam kes keracunan nikotin sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya selepas kemunculan meluas produk rokok elektronik atau *vape* di pasaran. Data terkini mencatatkan lonjakan mendadak dalam jumlah kes pada tahun 2023 dan 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan dalam graf di bawah. Ini selari dengan peningkatan lambakan produk rokok elektronik di pasaran.



Situasi ini amat membimbangkan dan menekankan keperluan tindakan kawalan yang lebih tegas serta pemantauan berterusan bagi melindungi kesihatan awam, khususnya dengan akses mudah produk ini dalam kalangan remaja dan kanak-kanak. Susulan itu, Akta Kawalan Produk Merokok demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] telah dikuatkuasakan mulai 1 Oktober 2024 bagi mengawal selia produk merokok termasuk

Akta ini menetapkan kewajipan pendaftaran produk, larangan penjualan kepada orang belum dewasa, serta kuasa penguatkuasaan *vape* dalam situasi kesihatan kritikal (Seksyen 21). Bahagian Kawalan Penyakit juga sedang memperkukuh sistem pemantauan melalui pelaksanaan notifikasi, yang turut melibatkan semua jenis produk merokok selain rokok elektronik atau *vape*, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 21, Akta 852.